

Jumpa waris tragedi MH17 pada 13 Julai

Sepang: Kementerian Pengangkutan bertemu ahli keluarga dan waris mangsa tragedi pesawat Malaysia Airlines penerbangan MH17 pada 13 Julai ini bagi memaklumkan perkembangan terkini siasatan kes itu yang kini memasuki tahun ketiga Menterinya, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, taklimat diadakan di Hotel Marriot Putrajaya, di sini sempena ulang tahun ke-tiga tragedi berkenaan.

Beliau berkata, kerajaan mengulangi pendirian keadilan perlu ditegakkan dan suspek terbabit dalam tragedi berkenaan perlu dibawa ke mahkamah. "Kami kini bertungkus-lumus untuk membawa suspek ke mahkamah," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan majlis pembukaanpusat pengedaran global barang Renesas Electronics di Kompleks Kargo KLIA, di sini semalam.

Katanya, siasatan jenayah kini mengenal pasti 100 suspek yang disyaki terbabit di sebalik tragedi malang berkenaan. Liow berkata, pihaknya berharap siasatan kes dapat diselesaikan awal tahun depan sebelum proses pendakwaan dilakukan di mahkamah antarabangsa di Belanda.

Sebelum ini, Liow berkata, Malaysia bersama empat negara lain bersetuju pendakwaan terhadap mereka bertanggungjawab bagi penembakan pesawat MH17 di Ukraine pada 2014 akan dilakukan di Belanda.

Menurutnya, Malaysia bersama rakan dalam Pasukan Penyiasat Bersama (JIT) iaitu Belanda, Belgium, Ukraine dan Australia bersetuju pendakwaan dibuat di Belanda sebagai proses yang efektif bagi memastikan kebertanggungjawab untuk mematuhi standard tertinggi antarabangsa.

"Perbicaraan itu akan berlangsung dalam rangka prosiding keadilan jenayah Belanda berdasarkan undang-undang jenayah substantif dan prosedur," katanya.

SUMBER: HARIAN METRO | M/S: 17 | 7 JULAI 2017